



Rujukan : MITI:ID/BI/S/0.535/97-3  
Reference :  
Tarikh : 7 Oktober 2011  
Date :

## EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Tuan/Puan,

### PELAKSANAAN STANDARD MANDATORI KE ATAS PRODUK ALUMINIUM

Dengan segala hormatnya ingin saya maklumkan bahawa pelaksanaan standard mandatori ke atas produk kepingan aluminium akan berkuat kuasa pada Selasa, 1 November 2011.

2. Pelaksanaan standard mandatori akan melibatkan produk kepingan aluminium di bawah Kod HS iaitu:

- HS7606 11 000;
- HS7606 12 000;
- HS7606 91 000;
- HS7606 92 000;
- HS7607 11 000; dan
- HS7607 19 000.

3. Pelaksanaan standard mandatori ke atas 6 produk kepingan aluminium telah diwartakan di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) (Pindaan) (No. 3) 2011 pada Jumaat, 30 September 2011. Tatacara pengimportan produk-produk ini adalah sama seperti pelaksanaan standard mandatori ke atas 187 produk besi keluli yang telah berkuatkuasa pada 13 Oktober 2009, iaitu pengimportan produk kepingan aluminium tersebut perlu disertai dengan Certificate of Approval (COA) atau surat pengecualian COA dari SIRIM bagi produk kepingan aluminium yang akan digunakan dalam sektor perkilangan dan bukan pembinaan serta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) bagi produk kepingan aluminium yang akan digunakan dalam sektor pembinaan.

4. Untuk makluman tuan/puan, Kementerian ini bersama-sama Dagang Net Technologies Sdn. Bhd. (Dagang Net) telah menyertai seminar anjuran SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada tahun 2011 untuk menyampaikan taklimat perkembangan pelaksanaan standard mandatori ke atas produk logam termasuk produk aluminium di Shah Alam (28 Julai), Pulau Pinang (16 Ogos), Johor Baru (21 September), Sarawak (27 September) dan Sabah (28 September) kepada industri-industri berkaitan logam.

5. Sehubungan dengan ini, Kementerian ini ingin memohon kerjasama pihak SIRIM, CIDB dan Dagang Net untuk membuat persediaan yang wajar bagi memastikan kelancaran pelaksanaan standard mandatori ini.

**Sekian, terima kasih.**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**



**(NORAZAH ABDUL JABBAR)**  
**Dasar Sektor dan Hal Ehwal Pelaburan**  
**b.p. Ketua Setiausaha**  
**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

## **LAMPIRAN**

Pengarah Urusan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
1, Persiaran Dato' Menteri, Section 2,  
P.O. Box 7035  
40911 Shah Alam, Selangor  
(u.p: YM Raja Nor Siha Raja Abd Hanan –  
Seksyen Sivil dan Binaan, Jabatan Perkhidmatan Pengujian)

Tel : 03-5544 5851  
Faks : 03-5544 5886

Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)  
7th Floor, Grand Seasons Avenue  
72, Jalan Pahang  
53000 Kuala Lumpur  
(u.p: Puan Rohana Abd Manan – Bahagian Standard & Kualiti Sektor  
Pembangunan Teknologi & Inovasi)

Tel : 03-2617 0250  
Faks : 03-4045 1808

Ketua Pengarah  
Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)  
Tingkat 12, Blok D  
Plaza Sentral  
Jalan Stesen Sentral 5  
50470 Kuala Lumpur  
(u.p.: En. Tan Chee Chai – Bahagian Industri Logam dan Fabrikasi)

Tel : 03-2267 3753  
Faks : 03-2272 1779

Presiden  
Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)  
Wisma FMM, No 3 Persiaran Dagang  
PJU 9, Bandar Sri Damansara  
52200 KUALA LUMPUR  
(u.p: Pn. Hasliana Abdul Rahman – Pengurusan Kumpulan Industri)

Tel : 603-6286 7353  
Faks : 603-6277 6714

Ketua Pegawai Eksekutif  
Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.  
Tower 3, Avenue 5  
The Horizon, Bangsar South  
No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur  
(u.p: Puan Thong Yee Mei – PIA Services/Applications)

Tel : 603-2730 0243  
Faks : 603-2713 2991